

LBS LANCAR RUMAH TERES DUA TINGKAT DI BANDAR PUTERA INDAH

Dates: 01 Jul, 2014



Untuk Siaran Serta-Merta

LBS LANCAR RUMAH TERES DUA TINGKAT DI BANDAR PUTERA INDAH

Ivory Garden – Rumah Idaman Bagi Keluarga Muda

Petaling Jaya, 1 Julai 2014 – Pemaju hartanah, LBS Bina Group Berhad melancarkan rumah teres dua tingkat terbarunya, Ivory Garden yang terletak di Bandar Putera Indah, Johor Darul Takzim. Fasa pertama Ivory Garden ini merangkumi 207 unit rumah teres dua tingkat yang disasarkan kepada para pembeli bergaji sederhana di mana ia dapat memenuhi pilihan dan kehendak mereka sebagai rumah idaman.



Pengarah Urusan LBS, Dato' Sri Lim Hock San berkata, “Tawaran kita mampu memenuhi permintaan para pembeli Johor. Pelancaran Ivory Garden merupakan satu pencapaian dalam perbandaran Bandar Putera Indah kerana ia dapat menawarkan pelbagai kediaman yang harganya berada dalam lingkungan mampu milik sehingga sederhana. Ini seiring dengan matlamat kerajaan Johor yang ingin menawarkan lebih banyak kediaman kepada golongan bergaji sederhana.”



Ivory Garden berharga dari RM332,350 mempunyai jumlah keluasan sebanyak 2,728 kaki persegi yang mampu menampung gaya hidup moden bagi para pembeli muda serta keluarga yang saiznya semakin berkembang. Para penghuni juga dapat menikmati reka bentuk yang luas iaitu 4 bilik tidur + 4 bilik air serta bilik tetamu yang keluasannya dua kali ganda daripada bilik pembantu rumah.



Selain itu, rekaan pelan lantai Ivory Garden memaparkan satu ruangan yang besar bagi para penghuni dengan penyambungan ruang tamu, ruang makan dan dapur bersama. Bilik tidur utama pula mempunyai balkoni yang luas agar dapat menawarkan satu ruangan yang jauh dari hiruk pikuk bandar. Di samping itu, skim warna yang digunakan atas Ivory Garden juga merupakan warna yang dapat menawarkan gaya hidup kontemporari iaitu warna kayu yang seiras dengan alam semula jadi. Ivory Garden juga menawarkan ruangan letak kereta dan balkoni yang berjubin serta sistem pintu pagar automatik, sistem air panas dan suis lampu tiang pintu.



Bilik tidur utama pula mempunyai balkoni yang luas agar dapat menawarkan satu ruangan yang jauh dari hiruk pikuk bandar.

LBS meneruskan usaha dalam penawaran hartanah dengan harga yang lebih murah dengan kualiti yang terbaik. Rumah mampu milik LBS menggabungkan ciri-ciri inovatif dan kemudahan yang akan memperkayakan perbandaran tersebut. "Ivory Garden menawarkan kediaman yang moden dengan reka bentuk yang praktikal serta kemudahan yang sesuai dengan gaya hidup terkini. Kita amat yakin bahawa kediaman ini merupakan pilihan yang sesuai bagi para pembeli Johor terutamanya pembeli muda dan keluarga yang muda.", tambah Dato' Sri Lim.

Kemudahan dan akses yang mudah juga merupakan salah satu faktor yang penting bagi Ivory Garden yang terletak di perbandaran Bandar Putera Indah yang semakin berkembang kerana ia merangkumi kemudahan yang serba lengkap di sekeliling perbandaran tersebut termasuk pasaraya mini, kedai servis kereta, kedai makan, klinik, sekolah, stesen petrol, pejabat pos serta balai polis. Selain itu, pembangunan ini juga berhampiran dengan bandar utama seperti Batu Pahat, Muar dan Kluang.

Dato' Sri Lim juga berkata, "Ivory Garden yang baru ini terletak di dalam kawasan yang nilainya semakin bertambah. Oleh itu, ia merupakan satu peluang yang bagus bagi para pembeli untuk menikmati nilai tambahan tersebut."

Nilai Pembangunan Kasar bagi fasa pertama Ivory Garden adalah RM83.4 juta.

Bandar Putera Indah dilancarkan pada tahun 2002 merangkumi pembangunan komersial dan kediaman. LBS juga sedang merancang pembangunan campuran bagi 509 ekar yang selebihnya di Bandar Putera Indah. Antara kemudahan yang dicadangkan untuk pembangunan tersebut termasuk kompleks membeli-belah, pejabat kedai dan sekolah yang dapat membekalkan peluang pendidikan kepada kanak-kanak para penghuni. Selain itu, sebuah pusat sukan dan rekreasi juga dimasukkan dalam usul cadangan.

Sehingga kini, LBS telah siap membina pembangunan kediaman yang merangkumi rumah teres setingkat, rumah berkembar dan rumah dua tingkat di Bandar Putera Indah.

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi +6012 722 2942 /+6012 722 2954 /+6012 722 1819 /+6012 714 8138 atau kunjungi laman web www.lbs.com.my

Development Details

Name of Project	Ivory Garden
Property Type	Double Storey Terrace Home
Gross Built-up	2,728 sq ft
Layout	4 bedrooms + 1 maid room + 4 bathrooms
Total Units	207 units -Phase 1
Overall Township Concept	Mixed development - residential, commercial, proposed hypermarket, schools, club house & recreation centre
Project Concept	Spacious & practical layout, modern style
Interior Design Concept	Relaxed Modern Approach
Special Feature / Unique Selling Point	22' x 75' - fully built, equipped with autogate point, water heater point & gate pole light point, Fully tile car porch (32') & balcony (18')
Price	From RM332,350 * *after 15% bumiputra discount
Date Of Completion	March 2016